

**SOALAN NO: 275**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]**

**SOALAN : Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan statistik import dan eksport sub-sektor pertanian, perikanan dan penternakan bagi negeri Pulau Pinang mengikut klasifikasi SITC untuk tahun 2005-2017.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Maklumat perdagangan import dan eksport bagi produk pertanian dikumpul di setiap pintu masuk negara yang dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sama ada melalui pintu laut, darat, dan udara dan **bukan mengikut negeri**. Sehubungan dengan itu maklumat statistik bagi perdagangan import dan eksport sub-sektor tanaman, perikanan dan ternakan Malaysia bagi tahun 2005-2017 adalah seperti Jadual berikut.

**DATA PERDAGANGAN SEKTOR PERTANIAN TAHUN 2005 - 2017 (RM billion)**

	Sektor Pertanian	2005		2006		2007		2008		2009		2010	
		Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import
	<b>Jumlah Bahan Makanan</b>	10.67	17.73	11.40	19.93	13.75	23.37	17.76	27.92	15.71	26.68	18.10	30.19
1	<b>Binatang hidup</b>	0.42	0.16	0.40	0.21	0.48	0.17	0.57	0.19	0.52	0.20	0.55	0.24
2	<b>Daging dan sediaan daging</b>	0.09	1.05	0.09	0.99	0.11	1.19	0.21	1.37	0.24	1.51	0.26	1.74
3	<b>Hasil tenusu dan telur burung</b>	0.62	1.73	0.68	1.69	1.06	2.48	1.39	2.58	0.90	1.56	0.89	2.03
4	<b>Ikan, krustasia, moluska dan sediaan</b>	2.33	1.93	2.26	2.04	2.50	2.14	2.49	1.88	2.20	2.30	2.59	2.44
5	<b>Bijirin dan sediaan bijirin</b>	0.91	2.26	0.95	2.47	1.03	2.95	1.30	5.20	1.33	4.09	1.41	3.56
6	<b>Sayur-sayuran</b>	0.51	1.69	0.51	1.83	0.52	1.88	0.67	1.79	0.63	2.27	0.68	2.78
7	<b>Buah-buahan</b>	0.47	0.71	0.46	0.75	0.46	0.88	0.49	1.10	0.52	1.24	0.59	1.39
8	<b>Gula, sediaan gula dan madu</b>	0.47	1.34	0.50	1.69	0.67	1.85	0.48	1.73	0.55	2.47	0.87	2.95
9	<b>Kopi, koko, teh dan rempah</b>	2.45	2.21	2.59	3.50	3.27	4.08	4.13	5.29	4.13	4.16	5.32	5.00
10	<b>Bahan makanan untuk haiwan</b>	0.49	2.87	0.63	2.91	1.00	3.76	1.21	4.43	0.71	4.39	0.97	5.12
11	<b>Bahan makanan lain</b>	1.92	1.79	2.32	1.85	2.65	2.00	4.83	2.34	3.98	2.48	3.96	2.95

	Sektor Pertanian	2011		2012		2013		2014		2015		2016	
		Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import	Eksport	Import
	<b>Jumlah Bahan Makanan</b>	20.49	34.45	20.62	36.05	22.03	38.80	25.58	42.60	27.31	45.32	30.15	46.75
1	<b>Binatang hidup</b>	0.63	0.22	0.58	0.25	0.66	0.26	0.68	0.32	0.70	0.36	0.74	6.72
2	<b>Daging dan sediaan daging</b>	0.28	2.05	0.34	2.23	0.40	2.56	0.44	2.94	0.57	3.43	0.63	6.67
3	<b>Hasil tenusu dan telur burung</b>	1.18	2.55	1.37	2.68	1.39	3.29	1.81	3.96	1.91	3.52	1.71	10.57
4	<b>Ikan, krustasia, moluska dan sediaan</b>	2.73	2.94	2.53	3.22	2.43	3.24	2.77	3.59	2.61	3.58	1.50	4.32
5	<b>Bijirin dan sediaan bijirin</b>	1.63	4.34	1.73	4.06	1.93	3.81	2.41	4.07	2.98	4.70	1.01	4.04
6	<b>Sayur-sayuran</b>	0.75	2.73	0.77	2.70	0.89	3.22	0.83	3.17	1.10	4.48	1.60	3.82
7	<b>Buah-buahan</b>	0.63	1.59	0.62	1.80	0.68	2.15	0.79	2.32	0.96	3.18	1.09	3.73
8	<b>Gula, sediaan gula dan madu</b>	0.94	3.40	0.87	3.68	0.89	3.42	0.86	3.77	0.93	3.37	7.26	3.43
9	<b>Kopi, koko, teh dan rempah</b>	5.62	5.60	5.31	5.23	5.40	5.14	6.75	6.31	7.40	6.46	3.46	3.09
10	<b>Bahan makanan untuk haiwan</b>	1.32	5.66	1.48	6.39	1.69	7.38	1.66	7.51	1.45	7.01	8.27	0.34
11	<b>Bahan makanan lain</b>	4.80	3.37	5.04	3.81	5.68	4.31	6.60	4.63	6.68	5.23	2.89	0.02

	Sektor Pertanian	2017 (Jan-Ogos)	
		Eksport	Import
	<b>Jumlah Bahan Makanan</b>	21.01	34.52
1	<b>Binatang hidup</b>	0.53	0.17
2	<b>Daging dan sediaan daging</b>	0.42	2.85
3	<b>Hasil tenusu dan telur burung</b>	1.20	2.71
4	<b>Ikan, krustasia, moluska dan sediaan</b>	2.00	2.62
5	<b>Bijirin dan sediaan bijirin</b>	2.30	4.05
6	<b>Sayur-sayuran</b>	1.04	3.41
7	<b>Buah-buahan</b>	0.78	2.67
8	<b>Gula, sediaan gula dan madu</b>	0.68	3.40
9	<b>Kopi, koko, teh dan rempah</b>	5.49	4.85
10	<b>Bahan makanan untuk haiwan</b>	1.11	4.11
11	<b>Bahan makanan lain</b>	5.47	3.67

**SOALAN ( 276 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [ BUKIT BENDERA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pendapatan isi rumah (purata dan penengah) bagi tahun T20, M40 dan B40 mengikut negeri, gender ketua isi rumah dan etnik dari tahun 2005 hingga sekarang.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik pendapatan isi rumah negeri boleh diperolehi melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Berdasarkan penemuan penyiasatan HIS pada tahun 2007, 2009, 2012, 2014 dan 2016, pendapatan isi rumah bulanan penengah dan purata mengikut kumpulan isi rumah (T20, M40 dan B40) mengikut negeri, jantina dan etnik ketua isi rumah telah meningkat dari tempoh 2007 hingga 2016.

Pendapatan isi rumah bulanan penengah dan purata bagi kumpulan isi rumah T20 mengikut negeri menunjukkan W.P. Putrajaya mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun tertinggi iaitu 10.1% (penengah) dan 9.4% (purata). Manakala mengikut etnik ketua isi rumah pula, kadar pertumbuhan tahunan dikompaun T20 tertinggi adalah bagi etnik Bumiputera iaitu 7.1% (penengah) dan 6.8% (purata). Peningkatan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun T20 mengikut jantina ketua isi rumah menunjukkan kadar pertumbuhan yang hampir sama.

Pendapatan isi rumah bulanan penengah dan purata bagi kumpulan isi rumah M40 mengikut negeri menunjukkan Terengganu mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun tertinggi iaitu 9.9% (penengah) dan 10.1% (purata). Manakala mengikut etnik ketua isi rumah pula, kadar pertumbuhan tahunan dikompaun M40 tertinggi adalah bagi etnik Bumiputera iaitu 8.3% (penengah) dan 8.1% (purata). Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun M40 bagi ketua isi rumah perempuan adalah lebih tinggi berbanding ketua isi rumah lelaki bagi penengah dan purata.

Bagi kumpulan isi rumah B40, dapatan survei menunjukkan Terengganu mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun pendapatan penengah tertinggi iaitu 12.1%. Manakala Perlis dan Terengganu mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun tertinggi bagi purata pendapatan iaitu 11.7%. Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun etnik ketua isi rumah B40 tertinggi adalah etnik Bumiputera iaitu 9.0% (penengah) dan 8.9% (purata). Peningkatan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun B40 mengikut jantina ketua isi rumah menunjukkan kadar pertumbuhan bagi ketua isi rumah perempuan adalah lebih tinggi berbanding ketua isi rumah lelaki bagi purata pendapatan.

Sekian, terima kasih.  
23 November 2017